



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PELANCARAN RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KEDUA BELAS (RKN12)

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi pagi ini telah melancarkan Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN12) yang bertemakan "Mengukuhkan Pembangunan Sosio-ekonomi Bagi Menjamin Kesejahteraan dan Keharmonian Negara".
2. Majlis Pelancaran RKN12 telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis iaitu Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir di majlis tersebut ialah ahli-ahli Jawatankuasa Kerja RKN terdiri daripada Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda Bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan, Yang Mulia Timbalan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama. Majlis juga dihadiri oleh Tuan dan Puan Yang Terutama Duta-Duta dan Pesuruhjaya Tinggi; Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan, badan-badan berkanun serta pihak swasta.
3. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, yang menekankan kepentingan melaksanakan projek tepat pada masanya, penyertaan sektor swasta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuhkan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara disamping untuk memberikan peluang perniagaan di kalangan peniaga dan pengusaha tempatan dengan pendekatan senegara dalam memastikan kejayaan pelaksanaan RKN12 dan sekaligus mencerminkan komitmen berterusan Negara dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 melalui pembangunan yang strategik dan inklusif.
4. Rancangan lima tahun yang meliputi tempoh 2024–2029 memperuntukkan sejumlah BND4 bilion bagi 305 projek pembangunan, dengan tumpuan kepada sektor-sektor utama seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan industri, perumahan, infrastruktur, pendigitalan dan teknologi hijau.
5. RKN12 adalah pelan pelaburan lima tahun yang merupakan komitmen strategik yang sejajar dengan jangka panjang Wawasan Negara Brunei Darussalam dan disokong oleh enam teras pembangunan utama iaitu:
 - Meningkatkan Infrastruktur dan Sistem Pendidikan;
 - Melahirkan Tenaga Kerja Selaras Dengan Keperluan Industri;
 - Menyumbang Kepada Kelestarian Alam Sekitar;
 - Mengukuhkan Keselamatan Negara dan Kesejahteraan Rakyat Yang Berdaya Tahan;
 - Meningkatkan Sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas; dan
 - Mengukuhkan Pentadbiran Awam Yang Efisien dan Kondusif.

6. Sempena pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12), satu pameran khas sedang berlangsung bagi memaparkan perjalanan Rancangan Kemajuan Negara serta projek-projek RKN oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi pemudahcara seperti Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Pejabat Perubahan Iklim Brunei, dan *Smart Nation Office*. Di samping itu, sesi taklimat pemberigaaan mengenai RKN, inisiatif yang menyokong usaha menangani perubahan iklim, termasuk Bangunan Hijau, serta pendigitalan turut diadakan selama tiga hari bermula 21 Mei hingga 23 Mei 2025. Orang ramai dan penuntut-penuntut sekolah adalah dialu-alukan untuk mengunjungi pameran dan aktiviti pemberigaaan ini bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai agenda pembangunan negara dan inisiatif-inisiatif kerajaan bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar.
7. Buku RKN12 boleh dimuat turun di platform rasmi media sosial Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

-TAMAT-

Tarikh: 23 Zulkaedah 1446

21 Mei 2025

Rujukan: KKW/BRKN/PELANCARAN RKN



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BRUNEI DARUSSALAM LAUNCHES 12TH NATIONAL DEVELOPMENT

1. The Ministry of Finance and Economy today launched the Twelfth National Development Plan (RKN12), centred on the theme "Strengthening Socioeconomic Development to Ensure National Wellbeing and Harmony".
2. Attending as Guest of Honour was Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Minister at the Prime Minister's Office and Minister of Finance and Economy II. Also present were Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Minister of Development and Deputy Minister of Energy at Prime Minister's Office, Ministry of Finance and Economy, and Ministry of Religious Affairs as members of the Working Committee National Development Plan, Their Excellencies Ambassadors and High Commissioners, Yang Berhormat Members of the Legislative Council, Permanent Secretaries, Deputy Permanent Secretaries, Heads of Government Departments, as well as representatives from statutory bodies and the private sector.
3. The event began with opening remarks by Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Permanent Secretary (Economy, Trade and Industry) at the Ministry of Finance and Economy, who underscored the importance of timely project delivery, private sector participation, and a Whole-of-Nation approach in ensuring the successful implementation of RKN12.
4. The five-year plan, covering the period 2024–2029, allocates BND4 billion across 305 development projects, focusing on key sectors such as education, health, industrial development, housing, infrastructure, digitalization and green technology.
5. RKN12 is a five-year investment plan with strategic commitment aligned with Brunei's long-term vision, supported by six key development thrusts. These include:
 - Enhancing education infrastructure and system;
 - Preparing future-ready talent;
 - Supporting sustainable environment;
 - Strengthening national resilience and citizen's well being;
 - Boosting non-oil and gas sectors; and
 - Improving public sector efficiency.
6. In conjunction with the launch of the Twelfth National Development Plan (RKN12), an exhibition is being held to showcase the progress of the National Development Plans, including key projects implemented by various ministries and enabling agencies such as the Authority for Building Control and Construction Industry (ABCi), Brunei Climate Change Secretariat, and the Smart Nation Office. In addition, a series of briefings on the National Development Plan, initiatives supporting climate change efforts, including Green Building, as well as digitalisation will take place over three days from 21 to 23 May 2025. Members of the public and students are warmly welcomed to visit the exhibition and participate in the awareness activities aimed at enhancing understanding of national development agenda and the Government's initiatives to ensure environmental sustainability.

-2-

7. The RKN12 book is available for download on the Ministry of Finance and Economy's official social media platform.

-END-

Date: 23 Zulkaedah 1446

21 May 2025

Reference: KKW/BRKN/PELANCARAN RKN